

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN  
[ SEGAMBUT ]**

**SOALAN**

**YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN [ SEGAMBUT ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan butiran perbelanjaan Jemaah Menteri dan para Timbalan Menteri yang baru dilantik tahun ini bagi tujuan mengubah suai pejabat dan kediaman rasmi mereka, pembelian kelengkapan pejabat dan senarai pegawai yang dilantik oleh mereka berserta gaji dan elaun bulanan pegawai mereka.

**JAWAPAN**

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, secara amnya Anggota Pentadbiran Kerajaan Perikatan Nasional menggunakan pejabat-pejabat sedia ada. Ubah suai kecil mungkin tidak dapat dielakkan bagi sesetengah pejabat jika keadaan memerlukan bagi menyediakan ruang secukupnya untuk para pegawai/kakitangan di pejabat Anggota Pentadbiran.
  
2. Bilangan pegawai dan gaji bagi pegawai-pegawai di pejabat Menteri dan Timbalan Menteri adalah seperti mana yang telah ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2018.

Sekian, terima kasih.